

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 3 (8)



**SURAT PEKELILING BENDAHARI
BILANGAN 5 TAHUN 2025**

**TARIKH PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2026
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Pejabat Bendahari

15 Disember 2025

Disalinkan Kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTj / Dekan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 3 (8)

15 Disember 2025

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 5 TAHUN 2025

TARIKH PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2026 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua staf berkenaan tarikh pembayaran gaji tahun 2026 Universiti Malaysia Kelantan.
- 1.2 Peraturan ini dilaksanakan bagi memastikan penyediaan gaji dapat diuruskan dengan sempurna dan pembayaran gaji dapat dilakukan mengikut tarikh yang diluluskan bagi mengambilkira kesesuaian dan keperluan staf.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 8 pada 30 November 2025 telah meluluskan Cadangan Tarikh Pembayaran Gaji Tahun 2026 kepada semua staf universiti dalam tempoh tidak melebihi 31 hari bagi setiap bulan.

3.0 TARIKH PEMBAYARAN GAJI

- 3.1 Tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2026 adalah seperti di **Lampiran 1**.

4.0 ELAUN LEBIH MASA

- 4.1 Adalah menjadi tanggungjawab staf yang dibenarkan untuk memastikan bahawa setiap tuntutan kerja lebih masa disertakan dengan surat arahan dari Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengikut tempoh kerja lebih masa yang dijalankan.
- 4.2 Ketua PTj bertanggungjawab menyemak butiran tuntutan kerja lebih masa yang dikemukakan oleh staf serta memastikan baki peruntukan mengurus elaun lebih masa di Fakulti/Jabatan mencukupi.
- 4.3 Sebarang tuntutan hendaklah diluluskan oleh Ketua PTj sebelum atau pada tarikh seperti di **Lampiran 2**.
- 4.4 Kegagalan berbuat demikian menyebabkan pembayaran elaun lebih masa tidak dapat diproses dan akan dibayar pada bulan berikutnya.

5.0 PENYATA PERUBAHAN GAJI (ROC) DAN POTONGAN KELOMPOK

- 5.1 Bahagian Sumber Manusia hendaklah memastikan bahawa semua maklumat berkaitan pembayaran gaji dan elaun serta potongan kelompok dikemukakan melalui ROC mengikut tarikh yang ditetapkan seperti di **Lampiran 2**.
- 5.2 Arahan di perenggan 5.1 yang diterima lewat daripada tarikh yang ditetapkan akan diproses pada bulan berikutnya.

6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Surat pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti.

Sekian, terima kasih.

**“ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



AHMAD IRWAN BIN BAHARUDDIN CA(M), CPA(M)

Bendahari

b.p: Naib Canselor

TARIKH PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2026

Bulan	Tarikh	Justifikasi
Januari	16.01.2026 (Jumaat)	
Februari	12.02.2026 (Khamis)	<i>Tahun Baharu Cina 17 & 18 Februari 2026 (Selasa & Rabu)</i>
Mac	13.03.2026 (Jumaat)	<i>Hari Raya Puasa 21 & 22 Mac 2026 (Sabtu & Ahad)</i>
April	13.04.2026 (Isnin)	
Mei	14.05.2026 (Khamis)	<i>Hari Raya Haji 27 & 28 Mei 2026 (Rabu & Khamis)</i>
Jun	15.06.2026 (Isnin)	
Julai	16.07.2026 (Khamis)	
Ogos	14.08.2026 (Jumaat)	
September	14.09.2026 (Isnin)	
Oktober	15.10.2026 (Khamis)	
November	13.11.2026 (Jumaat)	<i>Hari Deepavali 8 November 2026 (Ahad)</i>
Disember	14.12.2026 (Isnin)	<i>Hari Krismas 25 Disember 2026 (Jumaat)</i>

**TARIKH AKHIR KELULUSAN ELAUN KERJA LEBIH MASA
DAN PENGHANTARAN ROC TAHUN 2026**

BULAN	ELAUN KERJA LEBIH MASA	PENYATA PERUBAHAN GAJI (ROC)
Januari	04.01.2026 (Ahad)	05.01.2026 (Isnin)
Februari	04.02.2026 (Rabu)	05.02.2026 (Khamis)
Mac	04.03.2026 (Rabu)	05.03.2026 (Khamis)
April	05.04.2026 (Ahad)	06.04.2026 (Isnin)
Mei	04.05.2026 (Isnin)	05.05.2026 (Selasa)
Jun	04.06.2026 (Khamis)	04.06.2026 (Khamis)
Julai	05.07.2026 (Ahad)	06.07.2026 (Isnin)
Ogos	04.08.2026 (Selasa)	05.08.2026 (Rabu)
September	03.09.2026 (Khamis)	06.09.2026 (Ahad)
Oktober	04.10.2026 (Ahad)	05.10.2026 (Isnin)
November	04.11.2026 (Rabu)	05.11.2026 (Khamis)
Disember	03.12.2026 (Khamis)	06.12.2026 (Ahad)